

CIRI ALIRAN TEMATIK KARANGAN EKSPOSITORI BAHASA SEPANYOL SEBAGAI BAHASA ASING

(Thematic Features in Spanish as a Foreign Language Expository Essay)

Azlina Mohd Sera'ai & Maserah Shabudin

ABSTRAK

Dalam pembelajaran bahasa asing, menulis adalah satu alat penting kerana ia bertujuan untuk memperoleh maklumat dan kemahiran yang baharu. Bagi menghasilkan sebuah penulisan yang bermaklumat dan berkesinambungan adalah amat perlu seorang pelajar mengetahui hubungan atau interaksi di antara klausa berdasarkan informasi yang terkandung di dalam Tema dan Rema di dalam teks. Kebanyakan kajian penulisan bahasa Sepanyol sebagai bahasa asing tertumpu kepada kajian linguistik, pembelajaran dan pengajaran dan eksperimental benar. Namun, kajian linguistik yang memfokuskan aliran tematik penulisan bahasa Sepanyol sebagai bahasa asing masih belum memadai. Maka, makalah ini meneroka bagaimana pelajar tersebut memanfaatkan aliran tematik bagi merealisasikan aliran idea penulisan karangan ekspositori. Kajian ini menggunakan 20 buah teks karangan ekspositori yang dihasilkan oleh 20 orang pelajar tahap lanjutan subjek bahasa Sepanyol di Pusat Bahasa, Universiti Utara Malaysia. Pergerakan aliran maklumat dalam setiap perenggan dianalisis dengan menggunakan aliran tematik McCabe (1999) dan Fries (1983) yang berpandangan karangan ekspositori berkolerasi dengan aliran Tema Linear. Dari hasil kajian memaparkan bahawa pelajar lebih gemar dan amat ketara mengamalkan aliran Tema Rencam iaitu sebanyak 76% berbanding aliran Tema yang lain iaitu aliran Tema Linear dan Tema Kekal (8%), aliran Tema Berlainan (6%) dan aliran Rema Ulangan (3%). Aliran Pemisahan Tema dan aliran Pemisahan Rema pula tidak dipraktikkan langsung oleh mereka. Pengenalpastian dan penjelasan pemanfaatan aliran tematik pelajar ini berpotensi merungkai kekuatan dan kekurangan yang wujud dalam karangan yang dihasilkan oleh pelajar yang mempelajari bahasa asing. Oleh yang demikian, tindakan atau teknik boleh dilaksanakan oleh pengajar bagi memastikan mutu penulisan karangan pelajar adalah berkesinambungan dan bermaklumat.

Kata kunci: aliran tematik; menulis; ekspositori; tema dan rema; bahasa Sepanyol

ABSTRACT

In learning foreign languages, writing is an important tool because it seeks to acquire new information and skills. To produce an informative and coherence writing, it is essential that the student to know a relationship or interaction between clauses based on information contained in Theme and Rheme in the text. Much of the research on writing of Spanish as a foreign language focus on linguistic, learning and teaching and experimental research. However, the focus of linguistic studies of thematic progression in writing Spanish as a foreign language is still not adequate. So, this paper explores how these students utilized the

thematic pattern for the realization of the idea of writing an expository essay. The study used 20 text of expository essays produced by 20 students from advanced level Spanish in Language Centre, University Utara Malaysia. The flow of information in each paragraph analyzed using thematic progression model by McCabe (1999) and Fries (1983) in which assumed that expository essay correlated with the Linear Theme. The results of the study show that students prefer and significant to practice Blended Theme at 76% compared to the Linear and Constant Theme (8%), Unmotivated Theme (6%) and Rheme Iteration (3%). Split Theme and Split Rheme are not practiced by them. Identification and clarification of exploiting the thematic flow of students has the potential to unlock the strengths and shortcomings in the writing produced by students who study a foreign language. Therefore, measures or techniques can be implemented by teachers to ensure the quality of students' essay writing is coherence and informative.

Keywords: thematic progression; writing; expository; Theme and Rheme; Spanish

1. LATAR BELAKANG KAJIAN

Dalam dunia globalisasi hari ini, penguasaan sekurang-kurangnya satu bahasa asing selain bahasa Inggeris dapat meningkatkan peranan yang meluas dalam hubungan antarabangsa, menjadi nilai tambah dan memudahkan seorang individu untuk berjaya dan bersaing dalam pasaran dunia pekerjaan. Penguasaan bahasa meliputi empat kemahiran penting iaitu bertutur, mendengar, membaca dan menulis (Brown, 2001; CEFR *Common European Framework of Reference for Languages* (selanjutnya CEFR), 2001; Marco Común Europeo de Referencia para Las Lenguas (selanjutnya MCER), 2002; Cook, 2001:6; Valette, 1977). Antara empat kemahiran tersebut, menulis merupakan satu alat penting kerana ia bertujuan untuk memperoleh maklumat dan kemahiran yang baharu. Menurut Alderson dan Bachman (2002:x):

Penulisan merupakan satu alat yang penting bagi semua lapisan masyarakat dalam komuniti global hari ini. Penulisan digunakan sama ada dalam laporan analisis peristiwa semasa untuk akhbar atau laman web, mengarang esei akademik, laporan perniagaan, surat, atau e-mel, keupayaan untuk menulis dengan berkesan membolehkan individu dari budaya dan latar belakang yang berbeza untuk berkomunikasi. Tambahan pula, kini telah diketahui secara meluas bahawa penulisan memainkan peranan penting bukan sahaja dalam menyampaikan maklumat, tetapi juga dalam mengubah pengetahuan untuk mewujudkan pengetahuan baru. Maka ia menjadi kepentingan yang utama kepada pelajar di dalam akademik dan program bahasa kedua di seluruh dunia (Alderson & Bachman, 2002: x).

Maka, dalam sesebuah penulisan salah satu elemen penting yang perlu wujud dalam teks ialah koheren (Alonso, 1997, Bamberg, 1983; Halliday, 1994, Wang, 2007). Bagi menghasilkan sebuah teks yang baik adalah amat perlu seorang pelajar mengetahui bagaimana mengorganisasikan atau memilih Tema dan Rema dalam penulisannya. Hubungan atau interaksi di antara Tema dan Rema di dalam teks akan mengawal aliran maklumat dan koheren. Koheren adalah seperti sesuatu perkara abstrak dan mendalam yang boleh diperhatikan melalui hubungan tematik daripada bahagian yang berlainan di dalam teks (Alonso, 2002). Almaden (2006:128) juga menyatakan "*For a text to be coherent it should also make sense, and there should be a consistent development of ideas, concepts, or arguments.* Oleh yang demikian, bagi mengenal pasti teks penulisan yang koheren ialah melalui pencarian aliran tematik yang melibatkan hubungan di antara klausa berdasarkan

informasi yang terkandung di dalam Tema dan Rema (Alonso, 2002; Alonso 1997; Halliday & Hasan, 1976; Halliday, 1994; Wang, 2007). Halliday & Matthiessen (2004:64) menyatakan Tema sebagai elemen yang berfungsi sebagai titik tolak mesej, di mana ia menempatkan dan mengorientasikan klausa dalam konteksnya. Mesej yang selebihnya di mana bahagian Tema dibangunkan, dipanggil Rema.

Aliran Tematik yang diperkenalkan oleh Daneš (1974) memfokuskan bagaimana sesebuah teks yang dipaparkan membangunkan ideanya. Beliau mendefinisikan aliran tematik sebagai

...the choice and ordering of utterance themes, their mutual concatenation and hierarchy, as well as their relationship to the hyperthemes of the superior text units (such as the paragraph, chapter...), to the whole text and to the situation. Thematic progression might be viewed as the skeleton of the plot. (Daneš, 1974: 114).

Selain itu, Fries (1983;1995) menyatakan bahawa aliran tematik berkolerasi dengan struktur teks “.....in expository prose each sentence should follow logically from what has gone before.....the point of departure of each sentence should relate in some way to what has preceded” (Fries, 1983:121). Ini menggambarkan bahawa aliran Tema Linear seharusnya dijadikan sebagai aliran idea utama dalam merealisasikan karangan ekspositori.

Saban tahun, kerangka aliran Tematik tersebut telah menjadi rujukan, model dan penambahbaikan di dalam kajian penulisan bahasa asing sehingga ke hari ini. Jika dirumuskan, kajian lepas tentang aspek penulisan bahasa Sepanyol sebagai bahasa asing dapat tertumpu kepada kajian linguistik, pembelajaran dan pengajaran dan eksperimental benar. Kajian linguistik ialah kajian yang membincangkan sistem dan struktur bahasa seperti wacana (Castele & Collewaert, 2013; De Hann & Van Esch, 2008; Teijeira et. al, 2005 dan Van Esch et. al, 2006) dan aliran tematik (Alonso, 2002; 1997 dan Atienza & López, 1994). Kajian pembelajaran dan pengajaran pula bermaksud kajian yang memerihalkan penggunaan teknologi dalam pembelajaran dan pengajaran, strategi pembelajaran, analisis kesilapan dan penguasaan bahasa (Kasma, 2013, Lee, 2010; Norhayati, 2009; Arias, 2011; Mañas, 2010; Srinovart, 2011; Hubert, 2013). Manakala, kajian eksperimental (Fernandez & Blum, 2013) adalah bersifat menguji keberkesanan aktiviti penulisan secara individu, berpasangan dan berkumpulan terhadap sikap dan persepsi pelajar.

Jika diperhatikan, kajian linguistik yang memfokuskan aliran tematik penulisan bahasa Sepanyol sebagai bahasa asing masih belum memadai. Kajian aliran tematik yang dikenal pasti ialah Alonso (2002), Alonso (1997) dan Atienza & López (1994). Sungguhpun jelas menunjukkan aliran tematik merupakan elemen-elemen penting yang perlu ada dalam menghasilkan teks yang koheren namun, ia kurang dikaji dalam bidang pembelajaran bahasa asing (Alonso, 2002). North (2003) turut mengakui kajian yang melibatkan wacana penulisan yang berkait dengan penulisan pelajar adalah sedikit. Manakala, Ping (2007:102) menyatakan ‘*interest in examining the thematic structure of student writing has been modest at best*’.

Justeru, untuk merealisasikan tujuan kajian dan mengisi kelompangan ilmu yang wujud aliran tematik dipilih sebagai skop kajian. Kajian ini berobjektif mengenal pasti dan menghuraikan penguasaan ciri aliran tematik karangan ekspositori pelajar bahasa Sepanyol sebagai bahasa asing. Melalui analisis aliran tematik dapat memberi gambaran cara maklumat atau tema dialirkan dari ayat ke ayat seterusnya bagi membentuk teks (Idris, 2010) dan juga

dapat mengetahui bagaimana Tema berubah ke seluruh wacana (Taboada, 2004). Tambahan lagi, dapat menentukan bagaimana penulis mengaitkan Tema dari wacana sebelumnya.

2. KAEDAH KAJIAN

2.1 Persampelan dan Data Kajian

Sampel kajian ini ialah pelajar bahasa Sepanyol yang mengambil tahap lanjutan (III) sebagai subjek elektif atau wajib di Pusat Bahasa, Universiti Utara Malaysia. Data dikutip pada minggu ke-11 dan 12 daripada 14 minggu kuliah. Mereka mengikuti kelas BS sebanyak 3 jam dalam seminggu sehingga minggu ke-14. Secara keseluruhan mereka mempelajari BS sebanyak 42 jam bagi satu semester. Dalam kajian ini, sebanyak 20 buah teks karangan ekspositori dikutip pada semester pertama tahun 2013/2014 dan semester kedua tahun 2013/2014. Secara keseluruhan, teks tersebut mempunyai 66 buah perenggan.

2.2 Kerangka Kajian

Kerangka teori Perspektif Fungsi Ayat (*Functional Sentence Perspective*) yang dipraktikkan dalam kajian ini ialah Aliran Tematik (*Thematic Progression*) oleh McCabe (1999). Pemilihan pendekatan ini dapat memperlihatkan bagaimana sebuah teks itu perlu memiliki aliran maklumat dalam memastikan kesinambungannya. Salah satu aspek asas yang diperkenalkan dalam teori Perspektif Fungsi Ayat ialah tematik (*thematic*). Tematik boleh dibahagikan kepada dua bahagian iaitu Tema dan Rema. Tema merupakan titik permulaan dalam sesuatu ayat atau maklumat, manakala gabungan kepada maklumat tema ialah Rema. McCabe (1999) menggunakan kerangka Daneš (1974) yang kemudiannya diadaptasi dan diubahsuai dengan mengkategorikan aliran tematik kepada dua jenis iaitu aliran Tema yang mengandungi aliran Tema Kekal (*constant theme*) dan aliran Pemisahan Tema (*split theme*). Manakala aliran Rema pula terdiri dari aliran Tema Linear Mudah (*simple linear*) dan aliran Pemisahan Rema (*split rheme*). Aliran Tema Utama (*derived theme*) tidak dimasukkan sebagai salah satu jenis aliran tematik kerana McCabe (1999:171, 270) berpandangan ia mungkin berkait dan bertindih dengan aliran Tema Kekal atau Tema Linear. Kajian ini juga mengambil kira beberapa aliran tematik tambahan selain yang dinyatakan oleh McCabe (1999). Antaranya ialah Enkvist (1973) yang mengenal pasti dua bentuk aliran tematik iaitu Rema Ulangan (*Rheme Iteration*) dan Rema Regresi (*Rheme Regression*), Ping (2005:718-720) memperkenalkan aliran 'Box Development' dan 'Pair to Single Development' dan Idris (2010) aliran Tematik Rencam.

2.3 Pengukuran

Sebelum rumusan mengenai aliran tematik dalam karangan pelajar dibuat, setiap karangan dicerakinkan melalui proses pengekodan kepada simbol nombor rujukan. Setiap perenggan akan nombor teks, nombor perenggan dan klausa. Unsur Tema dan Rema yang berkaitan dengan jenis aliran Tema akan dihitamkan. Kemudian jenis aliran tematik akan dinyatakan.


Bagi mengenal pasti tema di dalam ayat, pertalian di antara ayat adalah di permulaan perenggan maka, hubungan antara ayat tidak akan dikira sekiranya melangkaui perenggan. Rasionalnya, mana-mana pautan yang wujud lebih daripada satu perenggan adalah jauh untuk dikesan dan hubungan antara pelbagai jenis aliran tematik akan menjadi terlalu rumit untuk digambarkan. Boleh dikatakan bahawa lebih jauh rangkaian atau pautan, semakin kurang menunjukkan teks yang koheren dan begitu juga sebaliknya. Tema yang tidak boleh dirantai dari Tema atau Rema sebelumnya dalam sesuatu perenggan akan dilabelkan sebagai Tema

Berlainan. Kesilapan tatabahasa yang terdapat dalam karangan akan diabaikan seperti yang diaplikasikan dalam kajian Rosniah & Idris (2007). Penulis juga tidak mengambil kira kesalahan ejaan yang wujud kerana tujuan kajian ini bukannya mencari dan menganalisis kesilapan bahasa tetapi membongkar aliran maklumat dan idea yang terkandung dalam karangan pelajar. Setelah data dicerakinkan dan dikelompokkan mengikut aliran Tema yang dikenal pasti, proses pengiraan bilangan dan peratusan dalam sesebuah perenggan karangan ekspositori dilaksanakan.

3. DAPATAN DAN PERBINCANGAN HASIL KAJIAN

Terdapat lima jenis aliran Tema yang dimanfaatkan oleh pelajar dalam merealisasikan aliran maklumat penulisan karangan ekspositori iaitu aliran Tema Rencam, aliran Tema Linear, aliran Tema Kekal, aliran Tema Berlainan dan aliran Tema Ulangan (Rajah 3). Dari lima jenis aliran Tema tersebut, dicatatkan aliran Tema Rencam mendominasi keseluruhan aliran maklumat karangan ekspositori iaitu sebanyak 50 buah perenggan atau 76%, diikuti dengan aliran Tema Linear dan aliran Tema Kekal (5 buah perenggan atau 8%), aliran Tema Berlainan (4 buah perenggan atau 6%) dan aliran Tema Ulangan (2 buah perenggan atau 3%). Ini membuktikan bahawa mereka mempraktikkan aliran Tema Rencam dengan meluas berbanding aliran Tema yang lain.

Sebenarnya, penemuan ini telah menjangkau aliran Tema yang disyorkan McCabe (1999). Beliau hanya mencadangkan empat aliran Tema sahaja iaitu aliran Tema Kekal, aliran Tema Linear, Aliran Pemisahan Tema dan aliran Pemisahan Rema. Namun, aliran Pemisahan Tema dan aliran Pemisahan Rema tidak diamalkan langsung dalam aliran idea mereka. Aliran Tema lain yang timbul ialah aliran Rema Ulangan dan aliran *Box Development*. Walau bagaimanapun, aliran tersebut bercampur dan bergabung dengan aliran Tema yang lain, maka ia dikategorikan di bawah aliran Tema Rencam. Berikut adalah penerangan lanjut mengenai ciri aliran tematik yang dimanfaatkan oleh pelajar.




Rajah 3 Bilangan dan Peratusan Aliran Tematik

3.1. Ciri Aliran Tema Rencam

Aliran Tema Rencam bermaksud aliran maklumatnya mengharmonikan pelbagai aliran Tema dalam sesebuah perenggan. Dengan erti kata lain menggabungkan dua atau lebih konfigurasi aliran maklumatnya seperti aliran Tema Kekal, aliran Tema Kekal Berjarak, aliran Tema Linear, aliran Tema Linear Berjarak, aliran Tema Berlainan, aliran Rema Ulangan dan aliran *Box Development*.

Setiap genre penulisan dikatakan mempunyai ciri-cirinya tersendiri dan berkait dengan aliran ideanya (Fries, 1983; Maleki & Jalili, 2014; Wang, 2007). Maka, teks ekspositori akan mengaplikasikan lebih kepada aliran Tema Linear mudah (Enkvist, 1974; Fries, 1983; McCabe, 1999). Oleh yang demikian, hasil pendominasian aliran Tema Rencam dalam penulisan karangan ekspositori pelajar bahasa Sepanyol sebagai bahasa asing ini adalah tidak selari dengan pandangan tersebut. Ini bermakna, para pelajar melanggar norma aliran idea penulisan yang seharusnya dimanfaatkan dalam karangan ekspositori. Penulis bersetuju dengan apa yang diperkatakan oleh pengkaji terdahulu. Namun, berdasarkan hasil kajian ini, penulis ingin membubur apa yang dibahaskan. Pandangan mengenai aliran Tema yang seharusnya menonjol dalam penulisan ekspositori adalah suatu pandangan lapuk atau menurut amalan biasa. McCabe (1999; 2004) berpandangan adalah terlalu mudah untuk menafsirkan aliran Tema Linear berhubungkait dengan teks ekspositori. Walhal, seorang individu atau penulis bebas untuk memilih mana-mana unsur-unsur dari wacana sebelumnya sebagai titik permulaan klausa yang diberikan (McCabe, 1999). Ini bertepatan dengan pandangan Fries (2002:121) yang menyatakan *'Like all other aspects of language, the choice of what to present as newsworthy in a given message is up to the speaker. It cannot be predicted with certainty by an external observer'*. Melalui pendominasian aliran Tema Rencam sebagai aliran idea utamanya maka dapat membuktikan bahawa pelajar tidak terikat dan tidak menghiraukan aliran Tema yang perlu dipraktikkan dalam teks ekspositori yang dihasilkan.

Walaupun, dapatan kajian ini tidak memaparkan keserasian dengan pandangan pengkaji-pengkaji terdahulu, namun pendominasian aliran Tema Rencam ini hampir menyamai apa yang ditemukan oleh Asri (2013) dan Norfaizah, Anida & Idris (2014). Dalam kajian Asri (2013) memaparkan pelajar di salah sebuah sekolah tinggi di Indonesia mempraktikkan tiga jenis aliran Tema utama iaitu aliran Tema Kekal, aliran Tema Linear dan Tema Berlainan dalam penulisan bahasa Inggeris (bahasa kedua) Sebenarnya, beliau tanpa menyedari ada menggambarkan penggunaan Tema Rencam iaitu gabungan aliran Tema Kekal dan aliran Tema Linear dalam analisis teks kajiannya. Walaupun, analisis beliau tidak menyatakan Tema Rencam, namun, pada hakikatnya wujud gabungan aliran Tema Kekal dan aliran Tema Linear digunakan dalam merealisasikan aliran maklumatnya.

1. Drugs is (are) a (there should be no "a") dangerous drug(s).
 2. And it is also harmful [to people [who eat them]].
 3. When we take drugs,.....(Asri, 2013:69)
- 

Begitu juga dengan kajian Norfaizah, Anida & Idris (2014) terhadap pelajar Cina yang menghasilkan karangan bahasa Melayu (bahasa kedua). Hasil kajian ke atas 18 teks karangan ekspositori, menemukan pemanfaatan aliran Tema Rencam dalam perenggan analisisnya. Selain itu, wujud beberapa hasil kajian yang menunjukkan dapatan yang melencong dari norma penulisan yang sepatutnya. Misalnya pengaliran idea karangan argumentasi seharusnya menampilkan aliran Tema Linear sama seperti karangan ekspositori (Fries, 1983, Herriman, 2011; McCabe, 1999). Namun, kajian Alonso (1997;2002), Atienza & Lopez (1994) dan Wang (2007) mendapati penggunaan aliran Tema Kekal yang keterlaluan dalam penulisan karangan argumentasi pelajar. Maka, berdasarkan kepada hasil kajian mereka, adalah tidak mustahil sekiranya sebuah teks naratif dan ekspositori melanggar norma asal penulisan yang mengatakan aliran Tema Linear akan mendominasi aliran idea keseluruhan.

Pada kebiasaanya penggunaan aliran Tema Rencam akan muncul dalam penulisan ilmiah dan perkara-perkara yang membincangkan isu yang berat (Idris, 2010). Namun begitu,

ada juga sarjana yang tidak mengklasifikasikan dan menyimpulkan teks ilmiah merupakan penulisan yang mempraktikkan aliran Tema Rencam dalam mengembangkan ideanya. Tetapi, hanya menyatakan teks ilmiah memaparkan hujah-hujah yang kompleks menerusi pautan silang rujukan yang tinggi dari Rema dalam sesuatu klausa kepada Tema di dalam klausa seterusnya (Enkvist, 1974; Fries, 1983). Maka, menerusi dapatan kajian ini, pandangan oleh Enkvist (1974), Fries (1983) dan Idris (2010) boleh ditokok dan dikemaskini. Pemakaian aliran Tema Rencam ini bukan sahaja dipraktikkan dalam penulisan ilmiah tetapi juga boleh bebas diamalkan dalam penulisan karangan ekspositori.

Oleh yang demikian, berdasarkan kepada analisis dapatan kajian ini, aliran Tema Rencam dapat dikelompokkan kepada tiga jenis subaliran, iaitu aliran Tema Dwi Rencam, aliran Tema Tri Rencam dan aliran Tema Rencam Kompleks. Dinamakan aliran Tema Dwi Rencam kerana aliran ini mengandungi gabungan dua jenis aliran Tema yang berlainan dalam pembinaan aliran ideanya. Aliran Tema Tri Rencam pula bermaksud aliran maklumatnya memanfaatkan tiga jenis aliran Tema dalam sesebuah perenggan. Manakala aliran Tema Rencam Kompleks merupakan gabungan aliran ideanya mengandungi berbagai-bagai aliran Tema atau dengan kata lain gabungan lebih dari tiga jenis aliran Tema. Berikut adalah Jadual 3 yang memaparkan bilangan dan peratusan bagi setiap subaliran Tema Rencam tersebut.

Jadual 3 Bilangan dan Peratusan Subaliran Tema Rencam

No.	Subaliran Tema Rencam	Bilangan	Peratus
1.	Tema Rencam Dwi	27	54
2.	Tema Rencam Trio	19	38
3.	Tema Rencam Kompleks	4	8
Jumlah		50	100

Dari Jadual 3 jelas menunjukkan Tema Dwi Rencam paling banyak dimanfaatkan ketika menulis karangan ekspositori iaitu sebanyak 27 buah perenggan atau 54%. Kemudian, diikuti dengan Tema Tri Rencam sebanyak 19 buah perenggan atau 38% dan subaliran yang paling sedikit diamalkan ialah Tema Rencam Kompleks sebanyak 4 buah perenggan atau 8%. Bagi melihat lebih jelas konfigurasi aliran maklumat aliran Tema Rencam, berikut adalah tiga contoh analisis subaliran Tema Rencam tersebut.

- (1) [1] Luego, yo viajaría a Brazil en año 2014 por ver la Copa del Mundo. [2] ¡Futbol es mi passion siempre! [3] Por eso, viajaría a Manchester en Inglaterra. [4] Yo querría ver Manchester United jugar en Old Trafford.

Analisis Tema Rencam Dwi:

No. teks	Perenggan	Ayat	Tema	Rema	Jenis aliran tematik
5	P3	[1]	Luego, yo	<u>viajaría</u> a Brazil en año 2014 por ver la Copa del Mundo . 'Kemudian, saya akan <u>berkunjung</u> ke Brazil pada tahun 2014 untuk melihat Piala Dunia'	
			T1	R1	
		[2]	¡ Futbol	<u>es</u> mi pasion siempre! 'Bola sepak adalah hal yang saya sukai untuk selama-lamanya'	

	T2 < R1	R2		Tema linear
[3]	Por eso,	<u>viajaría</u> a Manchester en Inglaterra.		
	‘Oleh itu,	akan <u>melancong</u> ke Manchester England’	saya	
	T3 < R2	R3		Tema linear
[4]	Yo	querría <u>ver</u> Manchester United jugar en Old Trafford.		
	‘Saya	ingin <u>melihat</u> Manchester United bermain di Old Trafford’		
	T4 < R3	R14		Tema Berlainan

Analisis data (1) memaparkan bahawa Tema Rencam Dwi iaitu Tema Berlainan dan Tema Linear digunakan bagi mencapai aliran ideanya. Ayat [1] dibina daripada T1 dan R1. Kemudian, Rema ayat [1] **la Copa del Mundo** (Piala Dunia) menjadi Tema dalam ayat [2] iaitu **Futbol** (Bola sepak). Walaupun tidak menggunakan leksikal yang sama, namun Piala Dunia sering dikaitkan dengan bola sepak. Kemudian Tema dalam ayat [3] **Por eso** (oleh itu) dibina daripada Rema 2 secara preposisi kesan ‘oleh itu’. Manakala, Tema ayat [4] **Yo** (saya) adalah Tema baharu.

(2) [1] Luego, me cenaría con Beyonce y Van Diesel en el restaurante exclusivo. [2] Cantaría enferente de ellos porque me gustaría cantar. [3] Me gustaría casarme con mi novio en la isla de Hawaii porque me encanta la playa mucho. [4] Despues de casarse, nacería diez niños y empezaría regimen.

Analisis Tema Rencam Trio:

No. teks	Perenggan	Ayat	Tema	Rema	Jenis aliran tematik
1	P2	[1]	Luego, me	<u>cenaría</u> con Beyonce y Van Diesel en el restaurante exclusivo.	
			‘Kemudian, saya	akan <u>makan</u> malam bersama Beyonce dan Van Diesel di sebuah restoran eksklusif’	
			T1	R1	
		[2]	(yo)	<u>Cantaría</u> enferente de ellos porque me gustaría cantar.	
			‘Saya	akan <u>menyanyi</u> di hadapan mereka kerana saya suka menyanyi’	
			T2	R2 < R1	Rema ulangan
		[3]	(yo) Me gustaría	<u>casarme con mi novio</u> en la isla de Hawaii porque me encanta la playa mucho.	
			‘Saya	ingin <u>berkahwin</u> dengan teman lelaki saya di pulau Hawaii kerana saya sangat suka pantai’	
			T2	R3	Tema kekal
		[4]	Despues casarse,	de <u>nacería</u> diez niños y empezaría regimen.	

‘Selepas berkahwin saya akan melahirkan sepuluh anak dan memulakan hidup.

T3 < R3

R4

Tema linear

Dari data (2) di atas memaparkan subaliran Tema Rencam Trio iaitu Rema Ulangan, Tema Kekal dan Tema Linear diamalkan bagi mengalirkan maklumat dalam perenggan ini. Ayat [1] dibina daripada T1 dan R1. Berlakunya penggunaan aliran Rema Ulangan dalam ayat [2]. Frasa **ellos** (mereka) adalah merujuk kepada Rema sebelumnya. Ini bermakna frasa **Beyonce y Van Diesel** (Beyonce dan Van Diesel) diulangi semula dalam Rema yang berikutnya. Dengan kata lain, **ellos** adalah rujukan anafora bagi **Beyonce y Van Diesel**. Kemudian, Tema utama dalam ayat [3] **yo** (saya) adalah sama dengan Tema ayat [2] yang mengalami penghilangan namaan subjek. Ini kerana subjek **yo** (saya) ini terkandung dalam kata kerja **Me gustaría** (saya ingin) dan **Cantaría** (saya akan menyanyi). Tema ayat [4] **Despues de casarse** (selepas berkahwin) pula dibina daripada Rema sebelumnya iaitu R3 **gustaría casarme con mi novio...** (ingin berkahwin dengan teman lelaki saya...).

- (3) Aparte de eso, si me he ganado la lotería, quiero cambiar mi estilo de vida. Quiero comprar muchas cosas como grandes coches, casas grandes, y muchos más. Quiero vivir con mis padres porque me encanta tanto. Nos cuidaron muy bien para mí y a mis hermanos. Ahora es mi turno de tener buen cuidado de ellos. Quiero comprar los coches de mi padre porque le encanta conducir. Y quiero comprar utensilios de cocina de mi madre, que le encanta cocinar.

Analisis Tema Rencam Kompleks:

No. teks	Perenggan	Ayat	Tema	Rema	Jenis aliran tematik
19	P2	[1]	Aparte de eso, si me he ganado la lotería, ‘Selain itu, sekiranya saya memenangi cabutan bertuah	quiero <u>cambiar</u> mi estilo de vida. saya mahu <u>mengubah</u> cara hidup saya’	
			T1	R1	
		[2]	(Yo) ‘Saya	Quiero <u>comprar</u> muchas cosas como grandes coches, casas grandes, y muchos más. ingin <u>membeli</u> banyak barang seperti kereta yang besar, rumah yang besar dan banyak lagi’	
			T2 < R1	R2	Tema linear
		[3]	(Yo) ‘Saya	Quiero <u>vivir</u> con mis padres porque me encanta (a ellos) tanto. ingin <u>tinggal</u> bersama ibu bapa saya kerana saya sangat sayangkan mereka’	
			T2	R3	Tema kekal
		[4]	(Ellos) Nos ‘Mereka	<u>cuidaron</u> muy bien para mí y a mis hermanos. <u>menjaga</u> saya dan adik beradik saya dengan baik	

	T3 < R3	R4	Tema linear
[5]	Ahora	es mi turno de tener buen cuidado de ellos. adalah giliran saya untuk menjaga mereka dengan baik’ ‘Kini	
	T4	R5	Tema berlainan
[6]	(Yo)	Quiero <u>comprar</u> los coches de mi padre porque le encanta conducir. ingin <u>membeli</u> beberapa kereta untuk ayah aya kerana dia suka memandu’ ‘Saya	
	T2	R6	Tema kekal berjarak
[7]	(Yo)	Y quiero <u>comprar</u> utensilios de cocina de mi madre, que le encanta cocinar. ingin <u>membeli</u> peralatan dapur untuk ibu saya yang suka memasak’ ‘Saya	
	T2	R7	Tema kekal berjarak

Analisi data (3), menunjukkan ayat [1] dibina daripada T1 dan R1. Kemudian, Tema ayat [5] **Ahora** (kini) adalah Tema yang baharu. Tema ayat [3], [6] dan [7] pula diambil Temanya dari T2. Ketiga-tiga tema tersebut mengalami penghilangan namaan di mana subjek **yo** (saya) tidak dinyatakan kerana dalam bahasa Sepanyol, subjek terkandung dalam kata kerja **Quiero** (saya mahu). Dalam analisis di atas unsur penghilangannya ditandakan dengan simbol (). Walau bagaimanapun, Tema ayat [6] dan [7] **Yo** (saya) berjarak tiga dan empat ayat dengan T2. Tema ayat [4] **Ellos** (mereka) juga mengalami penghilangan namaan yang merujuk kepada R3 iaitu mis padres (ibu bapa saya).

3.2. Ciri Aliran Tema Linear dan Aliran Tema Kekal

Aliran Tema kedua yang kerap diamalkan dalam penulisan karangan ekspositori ialah aliran Tema Linear dan Kekal iaitu berjumlah lima buah perenggan atau 8% sahaja (Rajah 3). Analisis data juga memaparkan pengaliran idea dalam aliran Tema Linear dan Kekal juga datangnya dari Tema atau Rema yang berjarak satu, dua atau lebih dalam perenggan yang sama. Dengan kata lain aliran tersebut dikenal pasti sebagai aliran Tema Linear Berjarak atau Tema Kekal Berjarak. Walau bagaimanapun, ia tidak dimasukkan dalam perangkaan aliran Tema Linear dan aliran Tema Kekal ini kerana aliran tersebut berjarak atau bercampur dengan aliran tema yang lain seperti aliran Tema Kekal, Rema Ulangan, *Box Development* dan sebagainya. Maka ia dikategorikan di bawah aliran Tema Rencam (rujuk 3.1)

Sesebuah teks ekspositori diklasifikasikan baik apabila aliran Tema Linear diterapkan lebih daripada dua kali dari mana-mana aliran Tema. Ini adalah kerana aliran idea karangan eksposisi akan lebih menonjolkan aliran tema Linear Mudah (Fries, 1983, 1995). Namun, apa

yang ditemui dalam kajian ini bukanlah aliran Tema Linear tersebut dimanfaatkan lebih daripada dua kali dari mana-mana aliran Tema. Sebaliknya, mereka menggunakan aliran Tema Linear dalam jumlah yang sama dengan aliran Tema Kekal iaitu lima buah perenggan atau 8% (Rajah 3.4). Maka, boleh dikatakan pelajar tidak berupaya memanfaatkan pengambilan Rema dari ayat sebelumnya untuk dijadikan Tema ayat berikutnya seperti yang diperkatakan pengkaji terdahulu. Malahan mereka kurang mengamalkan aliran Tema Linear (5 buah perenggan atau 8%) berbanding aliran Tema Rencam (50 buah perenggan atau 76%). Mungkin perbincangan pengkaji-pengkaji terdahulu kurang sesuai diaplikasikan kepada individu yang baharu mempelajari dan menguasai kemahiran menulis dalam bahasa asing. Apatah lagi terhadap pelajar yang mempelajari kemahiran bahasa asing di negara bukan natif. Pandangan tersebut lebih sesuai diterapkan kepada penulis berpengalaman. Johns (2008:241) mengatakan *...student essays do not really matter to disciplinary experts*. Berikut adalah satu contoh penggunaan aliran Tema Linear dan Kekal tersebut.

- (4) [1] Después, yo también me donaría dinero a quienes que necesita mi ayuda. [2] Tal como, donaría ancianos o orfanato, discapacidad y los animales callejeros.

Analisis Aliran Tema Linear:

No. teks	Perenggan	Ayat	Tema	Rema
3	P2	[1]	Después, yo también	me <u>donaría</u> dinero a quienes que necesita mi ayuda. <i>mendermakan</i> wang kepada mereka yang memerlukan bantuan saya' 'Kemudian saya juga T1 R1
		[2]	Tal como,	<u>(donaría a)</u> ancianos o orfanato, discapacidad y los animales callejeros. <u>(menderma)</u> kepada) orang tua atau rumah anak yatim, orang kurang upaya dan binatang yang terbiar' 'Sebagai contoh, T2 < R1 R2

Menerusi data (4), ayat [1] dibina daripada T1 dan R1. Kemudian, Tema ayat [2] **Tal como** (Sebagai contoh) adalah kesinambungan dari R1 iaitu **a quienes que necesita mi ayuda** (kepada sesiapa yang memerlukan pertolongan saya).

- (5) [1] Viajaría a la Europa especialmente Paris. [2] Yo compraría muchos regalos por mi amigo y visitare torre Eiffle. [3] Yo donaría uno millonarios por los peores.

Analisis Aliran Tema Kekal:

No. teks	Perenggan	Ayat	Tema	Rema
15	P2	[1]	(yo) 'Saya	Viajaría a la Europa especialmente Paris. akan <u>melancong</u> ke Eropah, terutamanya Paris'

	T1	R1
[2]	Yo 'Saya	<u>compraria</u> muchos regalos por mi amigo y visitare torre Eiffle. akan <u>membeli</u> banyak hadiah untuk kawan saya dan melawat menara Eiffle'
	T1	R2
[3]	Yo 'Saya	<u>donaria</u> uno millonarios por los peores. akan <u>menderma</u> satu juta untuk mereka yang bernasib malang'
	T1	R3

Dari analisis data (5) menunjukkan bahawa Tema yang digunakan adalah sama bagi setiap permulaan ayat iaitu **yo** (saya). Walaupun Tema ayat [1] mengalami penghilangan namaan dan subjek **yo** (saya) terkandung dalam kata kerja **Viajaria** (saya mengembara) namun Tema ayat [2] dan [3] mewakili pertalian yang sama dengan T1.

3.3. Ciri Aliran Tema Berlainan

Aliran Tema Berlainan bermaksud Tema yang tidak dapat dirantai dari Tema atau Rema sebelumnya dalam sesuatu perenggan. Dengan kata lain Tema tersebut tidak boleh dikategorikan di bawah mana-mana aliran tematik. Walaupun Tema Berlainan ini tidak diklasifikasikan atau tidak membentuk aliran maklumat/idea, namun ia masih boleh menyumbang pada kesinambungan keseluruhan teks dan tidak seharusnya diabaikan dalam analisis kajian (McCabe, 1999:180-189). Aliran ini dipraktikkan oleh pelajar sebanyak empat buah perenggan atau 6%. Dapatan ini selari dengan hasil kajian Asri (2013); Herriman (2011); Maleki & Jalili (2014) yang menemukan subjek kajian mereka juga tidak berupaya mengaitkan Tema dari Rema atau Tema sebelumnya. Berikut adalah satu contoh analisis aliran Tema Berlainan.

- (6) [1] Yo espero que yo gano la loteria porque yo tendría muchas cosas que hacer si ganara la loteria. [2] Sin embargo, yo debo volver a la mente a realidad que no yo gano la loteria porque nunca compro loteria.

Analisis Aliran Tema Berlainan:

No. teks	Perenggan	Ayat	Tema	Rema
17	P4	[1]	Yo espero que yo gano la loteria	porque yo tendría muchas cosas que hacer si ganara la loteria.
			'Saya berharap saya memenangi loteri	kerana saya <u>mempunyai</u> banyak perkara yang perlu dilakukan jika memenangi loteri'
			T1	R1
		[2]	Sin embargo, yo debo volver a la mente a realidad	que no yo <u>gano</u> la loteria porque nunca compro loteria. yang saya tidak <u>memenangi</u> loteri kerana saya tidak pernah membeli loteri'
			'Walau bagaimanapun, saya perlu kembali kepada realiti	
			T2	R2

Dari data (6) memaparkan kedua-dua ayat tidak dapat dikaitkan antara satu sama lain kerana Tema ayat [1] **Yo espero que yo gano la loteria** (Saya berharap saya yang memenangi loteri) dan Tema ayat [2] **Sin embargo, yo debo volver a la mente a realidad** (Walau

bagaimanapun, saya perlu kembali ke dunia nyata) memperkatakan dua perkara yang berlainan. Walau bagaimanapun, sebenarnya kedua-dua ayat ini adalah kesimpulan penceritaan.

3.4 Ciri Aliran Rema Ulangan

Wujud aliran Tema lain yang dimanfaatkan pelajar bagi merealisasikan aliran ideanya iaitu aliran Rema Ulangan seperti yang disyorkan oleh Enkvist (1974). Walau bagaimanapun, hanya terdapat dua buah perenggan atau 3% beraliran Rema Ulangan (Rajah 3.4). Aliran ini bermaksud Rema di dalam ayat menjadi Rema pada setiap ayat berikutnya. Ini menggambarkan bahawa mereka tidak terikat dan tidak mengikut norma asal penulisan karangan ekspositori yang memerlukan pemakaian aliran Tema Linear sebagai ideanya. Berikut adalah satu contoh analisis mengenai penggunaan aliran Rema Ulangan tersebut.

- (11) [1] En mi casa, ojalá pueda tendría mi perro favorito, como husky o collie. [2] Me gusta este tipo de perro desde mi infancia.

Analisis aliran Rema Ulangan:

No. teks	Perenggan	Ayat	Tema	Rema
3	P3	[1]	En mi casa, ojalá pueda	<u>tendría mi perro favorito, como husky o collie.</u>
			‘Di rumah saya saya berharap	saya <u>mempunyai</u> anjing kegemaran saya seperti husky atau collie’
		T1	R1	
		[2]	Me	<u>gusta este tipo de perro</u> desde mi infancia.
‘Saya	<u>suka</u> jenis anjing ini sejak zaman kanak-kanak saya’			
		T2	R2	

Dari data (11), ayat [1] dibina daripada T1 dan R1. Jelas menunjukkan bahawa Rema 1 menjadi Rema dalam ayat berikutnya. Rema dalam ayat [2] **este tipo de perro** (jenis anjing ini) menekankan semula frasa ‘**mi perro favorito, como husky o collie**’ (anjing kegemaran saya seperti husky o collie) dalam Rema ayat [1].

Berdasarkan pada analisis secara keseluruhan, didapati empat aliran Tema utama diaplikasikan dalam merealisasikan aliran maklumat penulisan karangan ekspositori. Antaranya aliran Tema Rencam, aliran Tema Linear, aliran Tema Berlainan dan aliran Rema Ulangan. Dicatatkan aliran Tema Rencam merupakan aliran Tema yang paling ketara digembleng oleh pelajar bahasa Sepanyol sebagai bahasa asing iaitu sebanyak 76%. Malahan mereka menggembleng tiga subaliran aliran Tema Rencam (Tema Rencam Dwi, Tema Rencam Trio dan Tema Rencam Kompleks). Dapat disimpulkan bahawa mereka tidak berupaya menghasilkan karangan ekspositori yang menampilkan aliran Tema Linear sebagai aliran idea utama seperti yang dibahaskan oleh pengkaji terdahulu. Walaupun tidak menurut amalan biasa penulisan ekspositori, pada hakikatnya pengaliran idea penulisan mereka seolah-olah menyerupai aliran maklumat penulisan ilmiah. Mereka bukan sahaja

mempraktikkan aliran Tema Linear tetapi mampu memajmukkan pelbagai konfigurasi aliran Tema.

4. KESIMPULAN DAN IMPLIKASI

Kajian ini memaparkan senario penguasaan aliran tematik penulisan karangan ekspositori pelajar bahasa Sepanyol sebagai bahasa asing. Secara jelasnya, penghasilan karangan ekspositori pelajar tidak mengikuti norma penulisan yang sepatutnya iaitu memanfaatkan aliran Tema Linear sebagai aliran idea utamanya. Dengan erti kata lain, mereka tidak mempedulikan norma tersebut lantas bebas mengamalkan apa jua Tema yang ingin disampaikan. Mereka mengamalkan aliran Tema Rencam dengan begitu ekstrem (Tema Rencam Dwi, Tema Rencam Tri dan Tema Rencam Kompleks). Oleh yang demikian, hasil kajian ini memberi gambaran yang berlainan dari hasil kajian-kajian lepas yang kebanyakannya memfokuskan subjek kajian dari negara luar Timur dan lebih menumpukan hasil penulisan dalam bahasa Inggeris. Seyogia, pendekatan pengajaran mengguna pakai Tema/Rema dalam kelas bahasa asing perlu diterapkan dan diintegrasikan ke dalam aktiviti atau tugas penulisan. Melalui pendedahan ini, diharap dapat membuka minda tenaga pengajar mengenal pasti kekuatan dan kekurangan yang wujud dalam karangan yang dihasilkan, sekaligus menjadi percambahan idea dalam kajian linguistik terutamanya yang menjurus kepada pembelajaran bahasa asing di negara bukan natif. Kajian ini hanya berupaya memaparkan penguasaan ciri-ciri aliran tematik pelajar yang mempelajari bahasa Sepanyol di sebuah universiti sahaja disebabkan oleh kekangan tenaga pengajar dan pelajar ketika data ini dikutip. Maka, kajian yang seterusnya diharap dapat mempertimbangkan untuk melibatkan lebih banyak lagi subjek kajian dari beberapa universiti lain di Malaysia.

Perhargaan

Ucapan terimah kasih yang tidak terhingga diucapkan kepada Prof. Dr. Idris Aman kerana di atas kesudian menyemak dan memberikan pandangan yang bernas ke atas hasil karya ini.

RUJUKAN

- Alderson, J. C., & Bachman, L. (2002). *Assessing Writing*. J. C. Alderson & L. Bachman, (Eds.). Cambridge University Press.
- Almaden, D. O. (2006). An Analysis Of The Topical Structure Of Paragraphs Written By Filipino Students. *The Asia-Pacific Education Research*, 15(1), 127–153.
- Alonso, B.I. (2002). El análisis del discurso en acción: el papel de las nociones de Tema y Rema en la enseñanza de lenguas extranjeras". In Miquel, L. and Sans, N. (Eds.) *Didáctica del Español como Lengua Extranjera, Colección Expolingua, nº 5*. Madrid: Fundación Actilibre, pp. 9-23.
- Alonso, B. I. (1997). Un estudio de la progresion tematica en las composiciones escritas de los alumnos de E/LE. In F. F. Moreno, B. M. Gil, & K. Alonso (Eds.), *ASELE. Actas del VIII Congreso Internacional de ASELE. El Español como Lengua Extranjera: del Pasado al Futuro*. (pp. 105–113). Alcalá de Henares (Madrid): Universidad de Alcalá.
- Arias, M. G. (2011). Análisis de errores y sus implicaciones didáctica: las dificultades de aprendizaje presentes en la interlengua de estudiante portugueses de ELE (B1). Tesis Doctoral. Facultad de Filología, Departamento de Lengua Española, Universidad de Salamanca.
- Asri Nur Rakhman. (2013). An Analysis of Thematic Progression in High School Students'

- Exposition Texts. *Passage*, 1(1), 65–74.
- Atienza, C. E., & López, F. C. (1994). La progresión temática en el discurso académico. In J. Llisterri & D. Poch (Eds.), *Actas del XII Congreso Nacional de la Asociación Española de Lingüística Aplicada AESLA. Nuevos Horizontes de la Lingüística Aplicada*. (pp. 33–40). Barcelona: Universitat Autònoma de Barcelona.
- Bamberg, B. (1983). What Makes a Text Coherent? *College Composition and Communication*, 34(4): 417–429.
- Brown, H. D. (2001). *Teaching by principles: An interactive approach to language pedagogy*. (Second edition). New York: Longman.
- Castele, A. Vande, & Collewaert, K. (2013). The Use of Discourse Markers in Spanish Language Learners' Written Compositions. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 95: 550–556.
- Common European Framework of Reference for Languages: Learning, Teaching, Assessment (CEFR). (2001). Cambridge University Press.
- Cook, V. (2001). *Second language learning and language teaching*. New York. Arnold. (3rd edition).
- Danes, F. (1974). Functional sentence perspective and the organization of the text. In F. Danes, ed. *Papers on Functional Sentence Perspective* (106-128). Prague: Academia/ The Hague: Mouton.
- De Hann, P., & Van Esch, K. (2008). Measuring and assessing the development of foreign language writing competence. *Porta Linguarum*, 9: 7–21.
- Enkvist, N. E. (1974). Theme dynamics and style: an experiment. *Studia Anglica Posnaniensia*, 5(127-135).
- Fernández, D. A., & Blum, A. (2013). Collaborative writing in pairs and small groups: Learners' attitudes and perceptions. *System*, 41(2): 365–378.
- Fries, P.H. (1983). On the status of Theme in English: Arguments from discourse. *Forum Linguisticum* 61:1-38. (August). Reprinted in Janos Petöfi and Emel Sözer (Eds.), *Micro and Macro Connexity of Texts*, 116-152. *Papers in Textlinguistics* 45. Hamburg: Helmut Buske Verlag.
- Fries, P.H. (1995). Themes, methods of development, and texts. In Hasan and Fries (eds.), *On Subject and Theme: From the Perspective of Functions in Discourse*, 317-359. Amsterdam: John Benjamins.
- Halliday, M. A. ., & Matthiessen, C. M. I. (2004). *An Introduction to Functional Grammar*. Great Britain: Hodder Arnold.
- Halliday, M. A. K., and Hasan, R. (1976). *Cohesion in English*. London: Longman.
- Herriman, J. (2011). Themes and theme progression in Swedish advanced learners' writing in English. *Nordic Journal of English Studies*, 10(1), 1–28.
- Hubert, M. D. (2013). The Development of Speaking and Writing Proficiencies in the Spanish Language Classroom: A Case Study. *Foreign Language Annals*, 46(1), 88–95.
- Idris Aman. (2010). *Analisis wacana*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Kasma Mohd Hayas. (2013). Peranan gambar dalam penulisan esei. *Kertas kerja International Conference on Languages, Linguistic and Society (ICLALIS)*. Anjuran Universiti Malaysia Sabah. Hotel Kota Kinabalu, Sabah, 22-24 Oktober.
- Lee, L. (2010). Exploring Wiki-Mediated Collaborative Writing: A Case Study in an Elementary Spanish Course. *CALICO Journal*, 27(2): 260–276.
- McCabe, A. M. (1999). Theme and thematic patterns in Spanish and English history texts. Dissertation Doctor of Philosophy, Aston University.
- Mañas, N. I. (2011). Análisis de errores en la producción escrita de estudiantes rusos de nivel

- avanzado de español en el uso de los tiempos de pasado. Máster de Formación de Profesores de Español como Lengua Extranjera. Instituto de Formación Continua, Universidad de Barcelona. España.
- Marco Común Europeo de Referencia para Las Lenguas: Aprendizaje, Enseñanza, Evaluación (MCER). (2002). Terj. Instituto Cervantes. Ministerio de Educación Cultura y Deporte, Madrid, Spain: Anaya.
- Norfaizah Abdul Jabar, Anida Sarudin, & Idris Mohd Radzi. (2014). Pola Tematik dan Implikasinya dalam Pengajaran Penulisan Karangan. *Jurnal Pendeta*, 5, 25–41.
- Norhayati Alias. (2009). Penggunaan Kata Kerja Ser di dalam Pembelajaran Bahasa Sepanyol; Satu Analisis Strategi Pembelajaran Bahasa di kalangan Pelajar di UKM. In Proceedings ILANNS Issues in Language Teaching and Learning (pp. 601–607).
- Ping, A. L. (2007). Thematic Progression and Student Writing. *The Journal of Asia TEFL*, 4(3), 93–127.
- Rosniah Mustaffa & Idris Aman. (2007). Thematic Progression in the Writings of Undergraduate LEP Learners. *The International Journal of Learning*, 14(9): 67–82.
- Srivoranart, P. (2011). El proceso de aprendizaje de ELE por parte de alumnos tailandeses: condicionantes lingüísticos y culturales. Tesis Doctoral. Facultad de Filosofía y Letras, Departamento de Filología. Universidad de Alcalá. España.
- Taboada, M. T. (2004). *Building Coherence and Cohesion: Task-oriented dialogue in English and Spanish*. (Jucker, A.H. Ed.). Amsterdam/Philadelphia: John Benjamins Publishing Company.
- Teijeira, R. C., Van Esch, K., & De Haan, P. (2005). La coherencia y la cohesión en textos escritos por estudiantes holandeses de español como LE. *Estudios de Linguística Aplicada*, 23(41): 67–100.
- Van Esch, K., De Haan, P., Frissen, L., Gonzalez, S. I., & Miranda, A. D. L. T. (2006). Evolución en la competencia escrita de estudiantes de español como lengua extranjera. *Estudios de Linguística Aplicada*, 43, 55–76
- Valette, R.M. (1977). *Modern Language Testing*. United States of America: Harcourt Brace Jovanovich Publishers.
- Wang, L. (2007). Theme and rheme in the thematic organization of text: Implication for teaching academic writing. *Asian EFL Journal*, 9 (1), 1-11.

Azlina Mohd Sera'ai & Maserah Shabudin
Pusat Pengajian Bahasa dan Linguistik
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Kebangsaan Malaysia
linseraai@gmail.com